



37 pelajar sains politik UKM jadi pemerhati PRU15

November 4, 2022 @ 7:57pm



Seramai 37 pelajar sains politik dari UKM dilantik sebagai pemerhati pilihan raya untuk perjalanan PRU15

KUALA LUMPUR: Seramai 37 pelajar sains politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dilantik sebagai pemerhati pilihan raya untuk perjalanan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Pelantikan pemerhati dalam kalangan pelajar itu kali pertama dilakukan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang sebelum ini hanya membabitkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ahli akademik.

Penyelaras Projek Pemerhati Pilihan Raya Mahasiswa UKM, Prof Madya Dr Muhamad Takiyuddin Ismail, berkata pasukan pemerhati pilihan raya UKM ialah institusi pengajian tinggi (IPT) terawal menyertai proses pemerhatian pilihan raya sejak PRU pada 2018.

Muhamad Takiyuddin berkata, idea pembabitan mahasiswa diutarakan beliau dalam artikel jurnal selepas PRU-14 yang melihat jika SPR membuka penyertaan pemerhati kepada IPT, adalah lebih baik mahasiswa turut dibabitkan seperti dilakukan di beberapa negara serantau seperti Indonesia, Filipina dan Thailand.

"Ini projek pemandu. Buat masa ini, saya hanya menjemput pelajar sains politik dahulu dan ia berdasarkan konsep sukarela kerana mereka tidak menerima sebarang insentif kewangan daripada SPR mahupun UKM.

"Selain mendedahkan mereka kepada perjalanan pilihan raya di negara ini, ia dilakukan bagi menyemai nilai sivik warga Malaysia untuk kerja kesukarelawanan," katanya di sini, hari ini.

Muhamad Takiyuddin berkata, beliau bercadang meningkatkan jumlah penyertaan mahasiswa UKM dalam program sebegini pada masa hadapan.

"Saya difahamkan oleh SPR bahawa UKM menghantar jumlah mahasiswa paling tinggi berbanding beberapa universiti lain. Namun, jumlah bukan ukuran tetapi kesanggupan dan kesedaran mereka untuk turut terbabit dalam proses demokrasi seperti pilihan raya. Lebih-lebih lagi, pengalaman ini pastinya unik kepada mereka," katanya.

Kesemua 37 pelajar ini sebahagian daripada 82 pemerhati dari UKM yang akan terlibat sebagai pemerhati dalam PRU-15 termasuk Naib Canselor UKM, Prof Datuk Mohd Ekhwan Toriman; Pro Naib Canselor UKM, Prof Dr Roslee Rajikan dan Penyelaras Umum, Prof Dr Sity Daud.